



RMKe-12: Tingkat pendapatan dan kuasa beli rakyat

KUALA LUMPUR, 25 Oktober - Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kerajaan juga membantu kumpulan M40 khususnya dalam kumpulan M1, iaitu yang berpendapatan antara RM4,850 dan RM5,880 sebulan.

Berdasarkan kajian Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan purata bulanan isi rumah secara keseluruhan telah menurun sebanyak 10.3 peratus pada tahun 2020.

Sebanyak 20 peratus atau kira-kira 600,000 isi rumah daripada kumpulan M40 telah beralih kepada kumpulan B40.

Datuk Seri Mustapa berkata pada sidang Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen ke-14 yang membuka tirainya hari ini.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/30469-rmke-12-tingkat-pendapatan-dan-kuasa-beli-rakyat>